

Media Title : Api.Bharian.Com.My
Headline : PTPTN Tak Perlu Takut Heret Peminjam Culas Ke Mahkamah
Date : 7 January 2025
Page : Online
Tone : Neutral News

The screenshot shows the header of the BH Online website. At the top left is the BH ONLINE logo. To its right are social media icons for YouTube, Twitter, Instagram, Facebook, and RSS. Below the logo is a horizontal menu bar with links: BERITA, SUKAN, DUNIA, HIBURAN, BISNES, RENCANA, WANITA, HUJUNG MINGGU, BH KAPSUL, COVID-19, SEMUA SEKSYEN, and a three-line menu icon. Underneath the menu bar, there's a search bar with the placeholder "Cari Kata Kunci" and a magnifying glass icon. On the far left of the main content area, there's a sidebar with "BERITA » Nasional" and the date "Selasa, 7 Januari 2025 | 9:21am".



PTPTN tak perlu takut heret peminjam culas ke mahkamah

PTPTN Tak Perlu Takut Heret Peminjam Culas Ke Mahkamah

Jutaan rakyat di negara ini mendapat manfaat besar daripada pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak penubuhannya pada 1997. PTPTN bukan hanya membantu pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) menyelesaikan pendidikan tinggi mereka, bahkan meringankan beban keluarga, terutama golongan berpendapatan rendah dan kelas menengah. Ini berbeza dengan situasi di sesetengah negara, apabila ibu bapa terpaksa bergolok-gadai, termasuk mencagar rumah demi memastikan pendidikan anak mereka terjamin.

Malangnya, lebih 430,000 peminjam tidak pernah melunaskan hutang, menjadi ancaman besar terhadap kelangsungan tabung ini. Jumlah tunggakan mereka sahaja mencecah RM5.46 bilion, iaitu hampir separuh daripada tunggakan keseluruhan RM11.32 bilion, sekali gus menjelaskan peluang pelajar baharu untuk melanjutkan pengajian. Ini kerana PTPTN memerlukan sekitar RM3 bilion setahun untuk membiayai purata 150,000 peminjam baharu serta 450,000 peminjam sedia ada.

Bagi peminjam culas beragama Islam, mereka perlu sedar melunaskan hutang adalah kewajipan perlu ditunaikan seperti ditegaskan sabda Rasulullah SAW: "Jiwa seseorang mungkin tergantung dengan hutangnya sehingga dilunaskan hutang baginya". Bagi penganut agama lain pula, tidak membayar hutang pastinya bercanggah dengan prinsip moral dan etika yang mereka junjung.

Lebih parah, kegagalan membayar hutang mencerminkan integriti individu. Ramai dalam masyarakat menuntut ketelusan dan kejujuran daripada kerajaan, pihak berkuasa serta institusi, namun sikap sebegini bertentangan apabila mereka sendiri gagal memenuhi tanggungjawab asas. Mengabaikan hutang tanpa alasan kukuh adalah bentuk pengkhianatan terhadap sistem yang bertujuan membantu rakyat secara kolektif.



Laporan di BH Online.

Kita akui PTPTN mengambil pendekatan berhemah, termasuk dengan menghantar notis peringatan, memberi peluang penjadualan semula pembayaran dan menawarkan diskaun bayaran awal. Namun, pendekatan lembut ini nampaknya gagal menyedarkan golongan culas. Justeru, PTPTN perlu mengambil langkah lebih tegas, termasuk menggunakan saluran undang-undang dan mendedahkan nama peminjam enggan melunaskan hutang dengan sengaja. Langkah ini bukan bertujuan menghukum, sebaliknya memberi mesej jelas bahawa sikap berkenaan tidak akan dibiarkan, lebih-lebih lagi jika menjelaskan peluang generasi akan datang.

Kita mengingatkan PTPTN supaya tidak perlu gentar dengan reaksi negatif masyarakat kerana tindakan diambil bukan menasarkan individu benar-benar tidak mampu, sebaliknya hanya kepada golongan sengaja mengabaikan tanggungjawab. Pada masa sama, PTPTN juga perlu meningkatkan usaha pendidikan terhadap kepentingan melunaskan hutang, selain terus memperkenalkan insentif seperti rebat atau pengurangan faedah kepada peminjam membayar lebih awal.

Kita tidak mahu sikap berlembut diambil PTPTN itu, memberi isyarat salah kepada peminjam sedia ada dan baharu bahawa sistem ini boleh diambil mudah. Apatah lagi jika tidak ditangani segera, tabungan PTPTN berisiko terjejas, sekali gus membantutkan usaha pendemokrasian pendidikan tinggi di negara ini.

PTPTN mesti berani bertindak demi memastikan kelangsungan dana pendidikan membabitkan masa depan negara. Kelalaian peminjam culas tidak boleh dibiarkan menggugat amanah yang seharusnya dipelihara untuk manfaat generasi seterusnya. Amanah ini adalah tanggungjawab bersama, manakala mekanisme yang membantu majoriti rakyat sewajarnya dipertahankan.

<https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1345866/ptptn-tak-perlu-takut-heret-peminjam-culas-ke-mahkamah>

